

25 MAY 2001

LATIHAN AKHIR PERARAKAN CITRAWARNA MALAYSIA 2001

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Semuanya telah bersedia bagi Perarakan Citrawarna Malaysia 2001 di Dataran Merdeka malam esok, yang dianggap sebagai acara kebudayaan dan pelancongan tahunan terbesar negara.

Latihan penuh diadakan malam ini dan berdasarkan kepada acara persembahan penuh gilang gemilang yang menggambarkan pelbagai kumpulan budaya negara, persembahan itu dijangka akan menonjolkan lagi imej pelancongan negara.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir menyaksikan latihan yang bermula 9 malam tadi.

Perarakan yang dijadual bermula 8.30 malam esok itu akan diserikan dengan keberangkatan Yang Dipertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah.

Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad, isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Hendon Mahmood juga dijadualkan hadir.

Sebanyak 5,166 peserta daripada 17 kumpulan budaya akan menjayakan perarakan yang bermula dari Dataran Merdeka dan melalui Jalan Raja Laut, Jalan Semarang dan Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Bercakap kepada pemberita selepas latihan itu, Abdul Kadir berkata persembahan malam esok sangat menarik dan ia akan turut disaksikan oleh penonton luar negara kerana 20 stesen TV asing akan membuat liputan.

-- BERNAMA

SR RV MOZ